



RUMUSAN BERITA MINGGUAN

WEEKLY NEWS BRIEF

Edisi 12/2019

26 Julai - 2 Ogos 2019

DALAM NEGARA

Ekonomi

- Syarikat Elit global luaskan pengaruh dalam GLC Malaysia, MAS dan EPF antara jadi sasaran

Politik

- Isu kerakyatan: Pengukuhan pengaruh DAP Sarawak melalui usaha kerakyatan pintu belakang bagi imigran Cina,. Sindiket IC Sabah libatkan lebih 100,000 orang

Politik

- Desentralisasi kuasa: Kerajaan kurangkan autoriti dalam sektor kesihatan dan tenaga, undang usaha penswastaan.

LUAR NEGARA

Keselamatan

- Kertas Putih Pertahanan China gariskan pelan ketenteraan bagi menjaga keselamatan projek OBOR dan Laut China Selatan.

RUMUSAN BERITA MINGGUAN

26 Julai-2 Ogos 2019

RINGKASAN EKSEKUTIF

Rumusan mingguan edisi ini menyentuh beberapa isu utama dalam negara khususnya dalam isu politik, ekonomi dan turut menyentuh isu keselamatan bagi rantau Asia.

Landskap ekonomi menyaksikan pengukuhan cengkaman elit global di Malaysia melalui pelan pemulihan MAS yang melibatkan Morgan Stanley, dan kerjasama syarikat Robert Kuok dan Li Ka Shing untuk memperkenalkan skim takaful baru di Malaysia dengan kerjasama EPF.

Landskap politik pula merekodkan beberapa perkembangan penting khususnya desentralisasi kuasa kerajaan dalam sektor kesihatan dan tenaga. Selain itu, terdapat isu kerakyatan di mana wujud usaha DAP dalam isu kerakyatan di Sarawak manakala di Sabah pula, sindiket kerakyatan telah mendaftarkan lebih daripada 100,000 orang bukan warganegara.

Di peringkat Asia pula, China akan melancarkan kertas putih pertahanannya secara rasmi. China dijangka akan meningkatkan tumpuan kepada aspek ketenteraan di Laut China Selatan dan juga projek OBOR.

DALAM NEGARA

EKONOMI



Li Ka Shing dan Robert Kuok bekerjasama melalui skim takaful dengan EPF, manakala Morgan Stanley dilantik sebagai syarikat untuk merangka pemulihan Malaysia Airlines (MAS)

1.0 Syarikat Elit global luaskan pengaruh dalam GLC Malaysia, MAS dan EPF antara jadi sasaran.

Pantauan isu ekonomi pada minggu ini menyentuh mengenai pengukuhan pengaruh elit global yang melibatkan lantikan Morgan Stanley bagi merangka pelan pemulihan syarikat Malaysia Airlines (MAS) serta kerjasama Robert Kuok serta Li Ka Shing dalam meluaskan pengaruh ke Malaysia melalui kerjasama skim takaful dengan EPF.

Syarikat elit global yahudi, Morgan Stanley telah diberikan mandat bagi merangka strategi pemulihan syarikat itu termasuklah menentukan pembeli dan penjualan saham MAS. Berdasarkan laporan oleh The Star, lantikan oleh Khazanah Nasional Bhd itu berikutan kegagalan MAS dalam menangani kejadian yang melibatkan dua pesawatnya iaitu MH17 dan MH370. Strategi yang sedang dirangka itu dijangka akan siap menjelang akhir tahun ini.

Dalam perkembangan lain, kerjasama antara JAB Capital Bhd dan Pacific Century Group bagi melancarkan skim takaful baharu dengan

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di bawah jenama FWD takaful Bhd. Menurut laporan oleh The Edge Market, Pacific Century Group dimiliki oleh anak Li Ka Shing (Richard Li) dan dikatakan mempunyai saham terbesar iaitu sebanyak 49% di dalam FWD takaful, manakala 31% saham dipegang oleh JAB Capital atau Kuok Brothers Sdn Bhd sementara Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) hanya mempunyai 20% pemilikan saham.

DALAM NEGARA

KESELAMATAN



DAP Sarawak mengumumkan penubuhan “Backbenchers Citizenship Committee” yang terdiri daripada 10 orang Ahli DAP untuk menguruskan permohonan tersebut.

2.0 Isu kerakyatan: Pengukuhan DAP Sarawak melalui strategi kerakyatan pintu belakang bagi imigran Cina, Sindiket IC Sabah libatkan lebih 100,000 orang

Menurut Harakah Daily, terdapat cubaan oleh DAP di Sarawak dalam usaha memberikan kerakyatan bagi imigran Cina melalui pintu belakang. Pada 23 Julai 2018 lalu, Adun DAP, Alice Lau telah menayangkan timbunan permohonan kewarganegaraan dari Sibu di media sosial.

Seterusnya pada 18 Julai 2019, beliau mengumumkan penubuhan “Backbenchers Citizenship Committee” yang dilaporkan terdiri dari 10

orang ahli DAP bagi menguruskan permohonan tersebut. Pada 22 Julai 2019 pula, DAP telah mengadakan pertemuan dengan Menteri Dalam Negeri, Muhyiddin Yassin berkaitan isu kewarganegaraan. Walau bagaimanapun, Muhyiddin Yassin telah menyangkal dakwaan terdapat cubaan memperoleh kerakyatan melalui pintu belakang oleh DAP dan menjamin segala urusan kerakyatan akan melalui prosedur yang sah serta mengikut undang-undang.

Perkara ini mampu mengukuhkan kedudukan politik DAP di Sarawak sekali gus menjadikan Sarawak sebagai pintu masuk warga China ke dalam Malaysia secara rasmi.

Sementara itu, di Sabah pula, New Straits Times melaporkan bahawa sebanyak 113,850 kad pengenalan yang dikenal pasti sebagai bermasalah telah didaftarkan di bawah National Registration Department (NRD). Hal ini berlaku berikutan sindiket pemalsuan kad pengenalan dan sijil lahir yang telah berjalan sejak tahun 2012.

Faktor perkembangan sindiket ini juga dikatakan berpunca daripada keterlibatan individu di dalam NRD sendiri yang bekerjasama dalam sindiket jenayah ini. Jeffrey Kitingan membuat kenyataan sindiket kad pengenalan yang baru ini bermula selepas kerajaan PH memerintah. Selain mengancam kedaulatan negara, sindiket ini mampu mengesani proses pengundian dan sekali gus mempengaruhi keputusan pilihan raya.

Di peringkat pusat, Kerajaan persekutuan telah menubuhkan pasukan khas bagi menyelesaikan segala isu yang berkaitan dengan permohonan kerakyatan dan menutup jawatankuasa di peringkat negeri yang sebelum ini ditubuhkan dalam era pemerintahan Barisan Nasional.

DALAM NEGARA

KESELAMATAN



Sektor kesihatan di bawah kerajaan pusat akan ditanggung Bersama dengan sektor swasta , syarikat insurans dan entiti berkaitan. TNB pula akan diperbadankan di bawah dua syarikat baru, GenCo dan RetailCO.

3.0 Desentralisasi kuasa: Kerajaan kurangkan autoriti dalam sektor kesihatan dan tenaga, undang usaha penswastaan.

Menurut Menteri Kesihatan, Dr Dzulkefly Ahmad, kerajaan akan menyatukan sektor kesihatan di bawah kerajaan pusat supaya ditanggung bersama dengan sektor swasta seperti syarikat insurans dan entiti-entiti berkaitan.

Usaha ini dilihat sebagai satu usaha desentralisasi kuasa kerajaan bagi menampung pembiayaan dan meringankan beban kerajaan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan. Kerajaan pada masa ini hanya menampung sebanyak 50% daripada perbelanjaan kesihatan dan baki 38% ditanggung oleh orang awam sendiri.

Menurut akhbar The Star, Tenaga Nasional berhad (TNB) akan menswastakan dua operasinya iaitu penjanaan elektrik lokal dan perniagaan runcit elektrik kepada dua syarikat baru yang diperbadankan sebagai 'GenCo' dan 'RetailCo'.

Dua syarikat ini akan mempunyai ahli majlis dan pasukan pengurusan sendiri secara berdikari. TNB akan memberi fokus kepada

operasi grid nasional bervoltan tinggi dan pengagihan elektrik kepada pelanggan, perniagaan penjana tenaga di peringkat antarabangsa termasuk penjana tenaga termal, konvensional serta tenaga boleh diperbaharui.

DALAM NEGARA

EKONOMI



Kertas Putih pertahanan China menyebut mengenai kesediaan kelengkapan dan sumber bagi menghadapi peperangan dalam lapangan strategik sedia ada dan domain baru antaranya ruang angkasa, keselamatan siber dan teknologi nuklear.

4.0 Kertas Putih Pertahanan China menggariskan pelan ketenteraan bagi menjaga keselamatan projek OBOR dan Laut China Selatan.

Memetik laporan The Diplomat, China akan meningkatkan penempatan ketenteraan luar negara bagi melindungi projek-projek OBOR dan kawasan Laut China Selatan (LCS) yang didakwa berada dalam sempadan China. Inisiatif terbaru China ini merupakan jangkakan US, seperti yang dinyatakan laporan tahunan terbaru U.S Department of Defense mengenai kertas putih ketenteraan China.

Secara ringkas, Kertas Putih Ketenteraan China yang dilancarkan pada 24 Julai 2019 ada menyentuh mengenai usaha ketenteraan China bagi memastikan kawasan LCS kekal sebagai milik China. Selain itu

antara yang direkodkan juga adalah mengenai keselamatan dalaman, sempadan dan wilayah perairan yang strategik bagi China dari pelbagai ancaman antaranya pengganas dari etnik uighur, serta kelompok pemisah Hong kong, Taiwan, Tibet serta Turkistan Timur.

Selain itu, kertas putih turut menyebut mengenai kesediaan kelengkapan dan sumber bagi menghadapi peperangan dalam lapangan strategik sedia ada dan domain baru antaranya ruang angkasa, keselamatan siber dan teknologi nuklear. Antara yang diberi fokus adalah meningkatkan persiapan teknologi bagi pengumpulan maklumat menjelang tahun 2020.

Seterusnya, kertas putih merekodkan juga mengenai keselamatan serantau khususnya di Asia Pasifik. China telah membina kerjasama dengan Russia bagi mengimbangi pengaruh koalisi ketenteraan US bersama dengan Jepun dan Korea Selatan.

IRIS Institute

Interdisciplinary Research and International Strategy

Bandar Baru Bangi

No 6-23-3A, Jalan Medan,
Pusat Bandar 8A, Bangi Sentral,

